

5.10.2024  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 24 JAM DI SPT DAN SPS:  
NORMALISASI BEKALAN AIR SEPERTI DIJADUALKAN IAITU SEBELUM JAM  
10.00 MALAM INI**

- **Penyambungan bahagian saluran paip Permatang Pauh baharu pada 90%**
- **PBAPP memulihkan perkhidmatan bekalan air, secara berperingkat, mulai 10.00 malam.**

PULAU PINANG, Sabtu, 5.10.2024: PBAPP menepati sasaran untuk menormalkan bekalan air kepada kira-kira 118,000 pengguna yang terjejas akibat gangguan bekalan air berjadual (SWSI) di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) menjelang 10.00 malam ini.

Sehingga pukul 1.00 tengah hari ini, kerja-kerja untuk menyambung dan mengoperasikan bahagian baharu saluran paip sepanjang 180m berdiameter 1.2m, berhampiran kampus Politeknik Permatang Pauh, telah mencapai tahap 90% siap.

Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang YB Zairil Khir Johari melawat tapak kerja hari ini untuk melihat kemajuan kerja.

Awal pagi ini, PBAPP menghadapi sedikit masalah teknikal membabitkan injap di Jalan Pengkalan Tambang, berdekatan Loji Rawatan Air Sungai Dua. Isu ini telah menjejaskan sebahagian pengguna di Taman Seri Murni (Sungai Dua) dan Jalan Pengkalan Machang. Bagaimanapun, ia tidak akan menjejaskan tempoh yang ditetapkan untuk normalisasi perkhidmatan bekalan air.

Melainkan berlaku keadaan di luar jangkaan, kita setakat ini mengikut jadual. PBAPP mula memulihkan perkhidmatan bekalan air untuk semua pengguna air yang terjejas di SPT dan SPS mulai 10.00 malam ini.

**Normalisasi perkhidmatan bekalan air**

Normalisasi perkhidmatan bekalan air akan melibatkan proses berikut:

- **Membuka semula semua injap yang telah ditutup untuk membolehkan air berfungsi di tapak kerja;**



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



- Meningkatkan secara beransur-ansur tekanan pam melalui bahagian saluran paip baharu untuk mengelakkan paip pecah dan/atau kebocoran; dan
- “Kerja-kerja penyahudaraan” (*de-airing*) untuk menghapuskan “sendat udara” (*airlocks*) yang mungkin berlaku di mana-mana bahagian saluran paip yang telah ditutup.

Secara amnya, perkhidmatan bekalan air sepatutnya dipulihkan lebih awal bagi pengguna yang terletak lebih dekat dengan tapak kerja Permatang Pauh. Pengguna yang terletak lebih jauh akan mendapat bekalan air kemudian.

Pengguna terjejas yang masih tiada bekalan air selepas jam 10.00 malam ini diminta menghubungi Pusat Panggilan 24 jam PBAPP (no. tel 04 255 8 255) untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan.

### **Perincian SWSI 24 jam SPT dan SPS**

Berikut adalah fakta dan angka penting yang berkaitan dengan SWSI 24 jam di SPS dan SPT, dari 10.00 malam pada 4.10.2024 hingga 10.00 malam pada 5.10.2024:

19.9.2024 Kontraktor bagi syarikat utiliti lain telah merosakkan satu bahagian paip yang tertanam kira-kira 15 meter di bawah longkang monsun berhampiran kampus Politeknik Permatang Pauh di SPT.

Bahagian paip yang rosak ini adalah sebahagian daripada paip berdiameter 1.2 meter atau 3.9 kaki. Ia merupakan sebahagian daripada paip utama yang digunakan oleh PBAPP untuk mengepam sejumlah besar air ke arah selatan, 24/7, dari Loji Rawatan Air Sungai Dua, yang merupakan loji rawatan air terbesar di Pulau Pinang.

Akibatnya, pengguna air di SPT dan SPS mula mengalami gangguan bekalan air atau masalah tekanan air rendah.

21.9.2024 Selepas penilaian kejuruteraan yang menyeluruh, PBAPP telah memutuskan untuk memasang, menyambung, dan mengoperasikan bahagian paip baharu berukuran 1.2 meter di atas tanah untuk menggantikan bahagian yang rosak. Ini merupakan penyelesaian yang lebih rasional dan tepat pada masanya kerana kerja menggali 15 meter di bawah longkang monsun untuk mencari, memperbaiki, dan mengendalikan semula bahagian paip yang pecah akan menjadi tugas yang sukar dan berbahaya.

26.9.2024 PBAPP telah mengeluarkan kenyataan media mengenai Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) selama 24 jam di SPT dan SPS (10.00



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



malam, 4.10.2024 – 10.00 malam, 5.10.2024) bagi membolehkan penyambungan akhir dan pengoperasian bahagian paip baharu.

- 20.9.2024 Kerja-kerja untuk memasang bahagian paip sepanjang 180 meter di tapak kerja dan kerja-kerja persediaan untuk penyambungan telah dimulakan, termasuk untuk mendapatkan bahan serta kerja-kerja ukur.
- 2.10.2024 PBAPP telah mengeluarkan kenyataan media untuk mengingatkan pengguna yang terjejas oleh Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) dari 4.10.2024 hingga 5.10.2024 agar menyimpan air mencukupi untuk kegunaan sepanjang tempoh 24 jam tersebut.
- 4.10.2024 Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) selama 24 jam di SPT dan SPS bermula seperti yang dijadualkan bermula 10.00 malam.

Sila maklum bahawa kerja-kerja bekalan air di Permatang Pauh diklasifikasikan sebagai “kerja-kerja pembetulan atau pemulihan” sebagai respons kepada isu bekalan air yang telah menjejaskan pengguna air di SPT dan SPS.

Jumlah kos bagi kerja-kerja penggantian bahagian paip Permatang Pauh adalah sekitar RM2 juta. Ia adalah untuk manfaat kira-kira 97,000 pengguna air di SPT dan SPS.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)